

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR  
BILANGAN 7/1974**

=====

**PENGAMBILAN TANAH DENGAN MENGGUNAKAN KUASA  
MENGIKUT SEKSYEN 19 AKTA PENGAMBILAN  
TANAH 1960**

-----

Tujuan Surat Pekeliling ini ialah untuk menarik perhatian Pemungut-Pemungut kepada perkara pembayaran wang pampasan terhadap pengambilan tanah secara paksa selepas notis tawaran dibuat kepada mereka yang berhak menerimanya.

2. Berhubung dengan ini Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor telah memberi penjelasan berkaitan dengan bayaran di bawah seksyen 20 ( a) dan Borang J Akta Pengambilan Tanah 1960 seperti berikut;-

“Pada pendapat saya masalah ini berpuncakan soalan bilakah wang pampasan di dalam sesuatu kes pengambilan tanah secara paksa itu boleh dibuat”.

Pada pandangan saya oleh kerana tanah adalah termasuk bangunan di bawah Kanun Tanah Negara, pembayaran tersebut bolehlah diperbuat di bawah 3 keadaan menurut seksyen-seksyen yang berlainan.

Yang pertamanya ialah pengambilan tanah secara biasa di bawah seksyen 10 hingga 16 Undang-Undang Pengambilan Tanah 1960. Menurut seksyen ini wang pampasan itu hendaklah dibayar apabila sesuatu penyelidikan telah diadakan dan notis tawaran pampasan telah diserahkan kepada orang yang berhak menerimanya (Borang H) Seksyen 29.

Yang keduanya di bawah seksyen 17 Pemungut Hasil Tanah bolehlah membuat keputusan lisan (verbal award) untuk membayar pampasan dan jika pampasan ini diterima, membayar terus wang tersebut kepada mereka yang berhak menerimanya. Jika pampasan tiada diterima Kaedah 29 (2) hendaklah dipatuhi.

Yang ketiganya ialah menurut seksyen 20 apabila “Certificate of Urgency” telah dikeluarkan di bawah seksyen 19 dan notis diberi di bawah seksyen 20.

Dalam keadaan pertama dan kedua juga pembayaran pampasan adalah dikehendaki dibuat diperingkat selepas tawaran dikemukakan kepada pihak yang layak menerimanya.

Pada pendapat saya prinsip yang sama boleh dipakai bagi menentukan masanya pembayaran pampasan boleh dibuat. Dalam kedua-dua keadaan diatas nampaknya pembayaran boleh dibuat selepas notis

tawaran dibuat kepada mereka yang menerimanya. Pada pandangan saya ini adalah munasabah kerana tawaran bermakna yang pihak menawarkannya sanggup pada masa itu membayar pampasan yang dianggarkannya berpatutan jika pihak yang lagi satu itu bersetuju menerimanya baik pun dengan secara rela atau dengan bangkangan.

Menurut seksyen 20 (a) dan Borang J dalam Undang-Undang Pengambilan Tanah, tawaran ini boleh dibuat dan oleh sebab itu pampasannya bolehlah dibayar. Walaubagaimanapun haruslah diingatkan bahawa seksyen ini hanya boleh dikuatkuasakan apabila "Certificate of Urgency" di bawah seksyen 19 telah di keluarkan.

3. Pemungut-pemungut Hasil Tanah hendaklah mematuhi nasihat-nasihat yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri seperti yang disebutkan di perenggan 2 di atas itu.

T.T  
**(HAJI SULAIMAN BIN MOHD DON)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
SELANGOR

PTG.SEL.SULIT. 0.180/SJ.10  
PT.1 (3)

KUALA LUMPUR  
25HB OGOS 1974